

NO SOALAN : 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak rumah di bawah projek perumahan rakyat (PPR) bagi golongan berpendapatan rendah di daerah Kudat memandangkan masih banyak lagi golongan memerlukan ini masih tinggal di setinggan-setinggan di daerah Kudat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Jun 2019, terdapat 1 projek (500 unit) iaitu Program Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Upper telah siap dibina di Daerah Kudat, Sabah manakala 1 projek (440 unit) iaitu PPR Pitas sedang dalam pembinaan yang dijangka siap pada 4 Oktober 2020.
2. Buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum ada perancangan pelaksanaan PPR baharu di Daerah Kudat. Justeru KPKT sangat mengalu-alukan syor dan cadangan tapak PPR yang bersesuaian daripada pihak Yang Berhormat melalui Kerajaan Negeri. Namun begitu, pelaksanaan pembangunan PPR ini, tertakluk kepada peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan memberikan keutamaan kepada lokasi-lokasi yang mempunyai bilangan setinggan serta permohonan rumah bagi golongan B40 yang tinggi.

Sekian, terima kasih.